

INFO

Lokasi penemuan artifak Paleolitik di Gua Pelangi, Jelebu, Negeri Sembilan



Siput sedut sebagai **bahan makanan pada zaman Paleolitik.**

Kisah kota besar bukan sekadar cerita rakyat



Proses ayakan tanah dalam ekskavasi Gua Pelangi **dibantu oleh masyarakat setempat.**



Kakitangan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM **melakukan kerja ekskavasi.**

Simpang Pertang: Seorang anak FELDA yang membesar dengan cerita rakyat bahawa terdapat sebuah kota besar di Gua Pelangi, tidak menyangka akhirnya artifak berusia 14,000 tahun ditemui di kawasan gua berkenaan.

Maklumat itu disalurkan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) yang kemudian menjalankan penyelidikan hingga berjaya menemui artifak zaman Paleolitik itu.

Pengurus Azliny Team Buliding-Outdoor Adventure, Nor Azlini Mohd Ali, berkata beliau yang dilahirkan di FELDA Pasoh 4, di sini, sering diberitahu mengenai kewujudan Kota Gelami di kawasan gua itu sejak kecil lagi, tetapi kisah berkenaan berlalu begitu sahaja.

Katanya, ramai yang mendengar cerita sama, tetapi ia terus kekal sebagai kisah rakyat kerana tiada penyelidikan dan usaha mencari kota terbabit.

Majukan kawasan

“Penemuan artifak itu bermula apabila saya yang mengusahakan aktiviti perkhemahan di kawasan hutan, berhasrat memajukan kawasan sekitar gua berkenaan. Saya bertemu pegawai daerah Jelebu tahun lalu, memaklumkan mengenai perancangan itu.

“Beliau beritahu bahawa idea itu bagus, tetapi menyarankan usaha memajukan kawasan berkenaan dengan aktiviti rekreasi harus mempunyai kaitan rapat dengan penyelidikan,” katanya yang kemudian menghantar e-mel kepada Pengarah Pusat Penyelidikan

Arkeologi Global USM, Prof Datuk Dr Mohd Mokhtar Saidin.

Nor Azlini berkata, beliau memaklumkan kepada Mohd Mokhtar mengenai keadaan sekitar gua itu yang mungkin mempunyai nilai arkeologi jika dikaji, termasuk ciri batu kapur di gua berkenaan yang didakwa tiada dalam sistem pemetaan geologi negara ini.

“Saya bersyukur kerana beliau berminat. Selebihnya adalah sejarah kerana kami berjaya menemui artifak itu,” katanya yang turut mengeluarkan wang sendiri bagi membantu menjayakan penyelidikan berkenaan yang memabitkan perbelanjaan besar.

Amat menggembarakan

“Sebagai anak FELDA, saya bangga Jelebu bakal berada dalam peta dunia arkeologi kerana mempunyai artifak yang penting itu,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pertang, Datuk Jalaluddin Alias, berkata penemuan bersejarah itu amat menggembarakan.

“Siapa sangka Negeri Sembilan yang kecil merekodkan penemuan yang penting. Artifak itu juga penting bagi sejarah negara,” katanya yang turut melawat gua terbabit dan yakin ia boleh memajukan sektor pelancongan di Jelebu kerana sudah tentu ramai ingin melihat penempatan manusia berusia 14,000 tahun.